



## JABATAN PREMIER SARAWAK

(UNIT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA)  
TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING, SARAWAK



### PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 10 TAHUN 2023

DARIPADA : **Setiausaha Kerajaan Sarawak**      KEPADA : **Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Residen Bahagian  
Semua Ketua Jabatan Sarawak  
Semua Ketua Badan Berkanun  
Sarawak  
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa  
Tempatan Sarawak**

SALINAN  
KEPADА : **Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri  
Sarawak**

PERKARA : **PEMANTAPAN PENGURUSAN PENILAIAN PRESTASI BAGI PERKHIDMATAN AWAM  
NEGERI SARAWAK**

RUJUKAN : **(53) JKM/SHRU/CDS/C/500-  
3/3/3552/JLD.4**      TARIKH : **17 MAR 2023**

#### 1. TUJUAN

Pekeliling perjawatan ini bertujuan untuk memaklumkan penambahbaikan pengurusan penilaian prestasi dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1. Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak pada masa ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2009, Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam.

2.2. Pekeliling ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- 2.2.1. Perubahan bagi jadual pengisian Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT); dan
- 2.2.2. Penilaian prestasi bagi Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan berdasarkan Scorecard agensi.

### **3. PERUBAHAN BAGI JADUAL PENGISIAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**

3.1 Pengisian LNPT hendaklah dilaksanakan merujuk kepada Jadual Pengisian Baharu seperti berikut:

PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Awal Tahun	25 Disember hingga 1 Mac	Pegawai Yang Dinilai
Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tengah Tahun (sekiranya perlu)	1 Julai hingga 1 Ogos	Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama
Pengesahan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Akhir Tahun	1 Oktober hingga 31 Oktober	Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama
Penilaian oleh PPP & PPK	1 November hingga 30 November	Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua

3.2 Merujuk Perkara 36 di dalam Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 menyatakan bahawa pergerakan gaji tahunan adalah bukan hak mutlak seseorang pegawai dan hanya akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. **Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang belum selesai mengisi LNPT ditahan pergerakan gaji tahunan sehingga pegawai tersebut mengemukakan LNPT yang telah selesai.**

3.3 Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) setiap agensi hendaklah diadakan pada bulan Disember tahun penilaian. Agenda yang akan dibincangkan adalah termasuk:

- Mengesahkan senarai pegawai yang telah selesai mengisi LNPT bagi memastikan pegawai layak diberi pergerakan gaji tahunan;
- Memastikan pegawai yang mendapat markah LNPT kurang daripada 60% tidak diberi pergerakan gaji tahunan pada tahun penilaian tersebut; dan
- Menyenaraikan dan mencalonkan pegawai-pegawai yang layak untuk diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dengan merujuk dasar dan kaedah pemberian APC.

### **4. PENILAIAN PRESTASI BAGI KETUA JABATAN DAN TIMBALAN KETUA JABATAN BERDASARKAN SCORECARD AGENSI**

4.1 Secara prinsip penilaian prestasi, seseorang pegawai hanya dinilai prestasinya melalui satu kaedah penilaian sahaja. Oleh demikian, semua Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan hanya dinilai berdasarkan prestasi Scorecard agensi masing-masing.

- 4.2 Penilaian prestasi Scorecard agensi hendaklah selesai selewat-lewatnya pada 30 November setiap tahun penilaian selaras dengan jadual pengisian penilaian baharu LNPT.

## 5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## 6. PEMAKAIAN

Pekeliling ini berkuatkuasa ke atas Perkhidmatan Awam Sarawak dan dipanjangkan kepada Badan Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak **tertakluk** kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI)**  
**Setiausaha Kerajaan Sarawak**